

SOALAN NO: 14

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN GOOI HSIAO LEUNG [ALOR SETAR]
TARIKH : 07 MAC 2018
SOALAN : 14

Tuan Gooi Hsiao Leung [Alor Setar] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan kelewatan merangka garis panduan dan undang-undang untuk penjualan rokok elektronik dan *e-liquid vape* yang dijanjikan oleh Kementerian sejak 2016.

Tuan Yang di-Pertua,

Pada 28 Oktober 2016, Mesyuarat Jemaah Menteri telah memutuskan penggunaan rokok elektronik dan vape dikawal selia oleh tiga (3) Kementerian, iaitu Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) dan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI). Penjualan cecair rokok elektronik yang mengandungi nikotin adalah kekal dikawal selia di bawah Akta Racun 1952 [Akta 366] dan Akta Jualan Dadah 1952 [Akta 368] (Peraturan Kawalan Dadah dan Kosmetik 1984) oleh Kementerian Kesihatan dan penjualan sediaan yang mengandungi nikotin hanya

19

dibenarkan oleh ahli farmasi berlesen, pengamal perubatan, pengamal pergigian atau pakar bedah veterinar yang berdaftar untuk tujuan rawatan perubatan.

Selain dari itu, Mesyuarat Jemaah Menteri tersebut juga telah memutuskan supaya satu Akta baru yang akan menggantikan Peraturan-Peraturan Kawalan Hasil Tembakau (PPKHT 2004) disiapkan dalam tempoh 2 tahun. Akta baru ini dinamakan Akta Kawalan Hasil Tembakau dan Merokok yang akan mengawal penggunaan hasil tembakau dan bahan-bahan lain berkaitan merokok. Akta baru tersebut juga akan merangkumi kawal selia terhadap rokok elektronik serta produk merokok yang lain seperti kawalan terhadap penjualan, promosi, penajaan dan pelabelan yang berkaitan kesihatan bagi cecair rokok elektronik tanpa nikotin dan kawalan terhadap larangan penggunaan rokok elektronik di kawasan larangan merokok serta larangan penggunaan rokok elektronik bagi orang di bawah umur.

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Kesihatan Malaysia telah menjalankan sebanyak 14 siri taklimat dan konsultasi bagi Akta Kawalan Hasil Tembakau dan Merokok ini kepada pelbagai agensi dan kementerian lain. Kementerian Kesihatan Malaysia juga telah mengemukakan laporan *Regulatory Impact Analysis* (RIA) dan telah mendapat kelulusan daripada pihak Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) pada 25 April 2017 . Akta ini sedang dalam semakan akhir Pejabat Penasihat Undang-Undang Kementerian Kesihatan Malaysia sebelum diangkat untuk proses penggubalan oleh Pejabat Peguam Negara.

Sementara itu, standard bagi bateri, peranti dan pembungkusan cecair tanpa nikotin rokok elektronik dibangunkan oleh Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi melalui Jabatan Standard Malaysia di bawah Seksyen 10 (1) Akta Standard Malaysia 1996 [Akta 549]. Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan pula mengawal selia dan menguatkuasakan Peraturan Standard Keselamatan bagi bateri dan peranti rokok elektronik di bawah Akta Perlindungan Pengguna 1999 [Akta 599] serta melesenkan aktiviti pengeluaran, pengedaran termasuk import, eksport dan peruncitan peranti serta cecair tanpa nikotin rokok elektronik di bawah akta baru kementerian tersebut.